

The Aesthetic Values of Seri Rama in Siamese Shadow Play

Duratul Ain Dorothy Jonathan Linggang *

duratul2258@uitm.edu.my (corresponding author) *

Abstract

This article explores the character of Seri Rama in Hikayat Maharaja Wana, the main text in the traditional Wayang Kulit Siam (also known as Wayang Kulit Kelantan) performance. Although often regarded as a form of entertainment, Wayang kulit Siam is rich in philosophy, symbolism, and educational values. Previous studies have primarily focused on visual elements and external symbolism of puppet characters, with limited attention given to the aesthetic image and moral values of Seri Rama from an Islamic perspective. This study aims to address this gap by analysing the aesthetic representation and moral dimensions of Seri Rama through the perspective of Islamic aesthetic theory. Employing a qualitative case study approach, the research involves textual analysis of Hikayat Maharaja Wana, performance observation, and descriptive thematic analysis. Findings reveal that Seri Rama embodies not only outward beauty, but also deeper values of balance, harmony and spirituality aligned with the Islamic principle of beauty.

Keywords: Characters Representation, Islamic Aesthetic, Moral Values, Seri Rama, Wayang Kulit Siam.

Submitted: 08 Jun 2024

Revised: 10 December 2024

Published: 30 September 2025

* Senior Lecturer at the Faculty of Film, Theatre and Animation, Puncak Perdana Campus, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.



Nilai Citra Estetika Seri Rama dalam Wayang Kulit Siam

Duratul Ain Dorothy Jonathan Linggang *

duratul2258@uitm.edu.my (penulis koresponden) *

Abstrak

Artikel ini meneliti watak Seri Rama dalam Hikayat Maharaja Wana, teks utama dalam persembahan Wayang Kulit Siam atau Wayang Kulit Kelantan. Walaupun sering dianggap sebagai hiburan tradisional, Wayang Kulit Siam sarat dengan unsur falsafah, simbolik dan nilai pendidikan. Namun, kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek visual dan perlambangan luaran, dengan kurang perhatian kepada citra estetika dan nilai moral watak dari perspektif Islam. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis citra estetika dan nilai moral watak Seri Rama berdasarkan kerangka estetika Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks Hikayat Maharaja Wana, pemerhatian persembahan dan analisis deskriptif tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa watak Seri Rama bukan sahaja mewakili keindahan lahiriah, tetapi juga mencerminkan nilai keseimbangan, keharmonian dan spiritualiti, selari dengan prinsip keindahan dalam Islam.

Kata Kunci: Citra Watak, Estetika Islam, Nilai Moral, Seri Rama, Wayang Kulit Siam.



1.0 Pendahuluan

Wayang Kulit Siam (WKS) merupakan seni persembahan tradisional yang berkembang di Kelantan, Malaysia, serta di wilayah Patani di Selatan Thailand. Persembahan ini menggunakan dialek Melayu Kelantan dan Patani, dan merupakan adaptasi tempatan dari epik Hindu Ramayana yang ditulis oleh Valmiki (Wong, 2019). Di Malaysia, adaptasi ini dikenali sebagai Hikayat Seri Rama dalam bentuk sastera, dan Hikayat Maharaja Wana dalam bentuk persembahan pentas. Dalam tradisi WKS, cerita di bahagikan kepada dua bahagian utama: cerita pokok dan cerita ranting. Cerita pokok merangkumi naratif utama seperti kelahiran semula Seri Rama, perkahwinannya dengan Siti Dewi, penculikan Siti Dewi oleh Maharaja Wana, serta penyelamatannya dan perkahwinan semula Seri Rama dan Siti Dewi. Sementara, cerita ranting menampilkan kisah sampingan yang memberi tumpuan kepada watak-watak seperti Pak Dogol dan Wak Long, dengan elemen humor dan sindiran sosial (Yousof, 1994).

Walaupun WKS sering dianggap sebagai hiburan rakyat, ia sebenarnya sarat dengan simbolisme, falsafah dan pendidikan. Watak Seri Rama, sebagai watak utama dalam Hikayat Maharaja Wana, memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai tersebut. Selain itu, elemen-elemen seperti panggung, dalang, patung, muzik dan repertoire cerita membawa makna perlambangan yang mendalam. Mohamed (1980) pula merumuskan bahawa persembahan wayang kulit memberikan sumbangan terhadap pembentukan watak masyarakat melalui nilai-nilai seperti kebijaksanaan, keberanian, dan adab dalam hubungan sosial. Namun kajian terdahulu cenderung seperti oleh Ghulam-Sarwar, Amin Sweeney, Patricia Matusky dan lain lain, memberikan tumpuan kepada aspek luaran seperti reka bentuk patung, perlambangan visual dan elemen persembahan, falsafah, perlambangan serta konteks budaya dalam WKS, tanpa menyelami secara mendalam citra estetika dalaman dan nilai moral watak dari sudut pandang Islam. Selain itu, terdapat kekurangan dalam aplikasi teori estetika Islam dalam menilai watak dan naratif dalam teks tradisional seperti Hikayat Maharaja Wana. Ini menimbulkan persoalan utama – Bagaimanakah citra estetika dan nilai moral watak Seri Rama dalam Wayang Kulit Siam dapat ditafsirkan dan dinilai berdasarkan kerangka estetika Islam? Kajian ini digerakkan oleh keperluan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara mendalam dimensi estetik dan moral watak Seri Rama, seterusnya merumuskan sumbangannya terhadap nilai spiritual dan pendidikan dalam seni persembahan tradisional Melayu-Islam.

Justeru itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis watak Seri Rama secara kritikal dari aspek citra estetika dan nilai moral, berdasarkan konsep keindahan Islam. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana nilai-nilai spiritual dan etika Islam diintegrasikan secara halus dalam persembahan WKS, serta bagaimana persembahan ini mencerminkan pandangan dunia Melayu-Islam melalui watak utamanya – Seri Rama.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Falsafah dan Perlambangan Seri Rama dalam Wayang Kulit Siam.

Kajian-kajian terdahulu, mengenai Wayang Kulit Siam (WKS) telah memberikan tumpuan kepada aspek visual, perlambangan dan karektoristik luaran watak-watak utama seperti Seri Rama dan Maharaja Wana. Sebagai contoh, Wong dan Moussa (2019) menganalisis motif halus kasar dalam rekaan patung,



menunjukkan pengaruh sinkretisme budaya seperti Animisme, Hinduisme dan Islam. Mereka menekankan aspek estetika luaran seperti ukiran dan warna, namun tidak menyentuh secara mendalam tentang dimensi batiniah atau citra estetika yang berasaskan nilai-nilai Islam. Dalam kajian lain, Jufry dan Rahman (2019) menggunakan teori *Gender Schema* untuk meneliti pergerakan patung Seri Rama di kelir, mengenal pasti elemen *feminine* seperti sifat penyayang dan kelembutan. Walaupun pendekatan ini menambah dimensi psikologi terhadap analisis watak, ia masih terhad kepada aspek gerakan dan tidak menghubungkannya dengan konsep keindahan dalam Islam.

Wong dan Yousuf (2018) pula membincangkan simbolisme pohon Beringin dan gunung dalam konteks kepercayaan animism, Hindu-Buddha dan Islam. Mereka menyoroti peranan simbolik elemen-elemen ini dalam persembahan WKS, namun perbincangan mereka lebih tertumpu kepada elemen-elemen persekitaran persembahan daripada watak itu sendiri. Kajian oleh Jufry dan Rahman (2018) yang menggunakan teori *archetype* Carl Jung untuk menganalisis watak Seri Rama dan Maharaja Wana memberikan pandangan tentang simbolisme imej dan spiritual. Namun pendekatan ini lebih bersifat universal dan tidak mengintegrasikan nilai-nilai estetika Islam secara khusus. Kingham (1998) menyoroti simbolisme pohon Beringin sebagai lambang pokok kehidupan dalam WKS, membahagikannya kepada tiga bahagian yang mewakili langit, bumi dan alam ghaib. Walaupun ini memberikan pandangan tentang struktur kosmologi dalam WKS, ia tidak mengaitkannya secara langsung dengan citra estetika watak Seri Rama.

Dari tinjauan di atas, jelas bahawa terdapat kekurangan dalam kajian-kajian sedia ada yang memfokuskan secara mendalam kepada citra estetika watak Seri Rama dalam WKS, khususnya dari perspektif nilai-nilai Islam. Kajian-kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada aspek luaran dan simbolisme umum tanpa menghubungkan dengan konsep keindahan dan moral Islam. Sehubungan itu, kajian bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis watak Seri Rama secara mendalam dari aspek citra estetika dan nilai moral yang terkandung dalam cerita, menggunakan kerangka teori estetika Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat memberikan perspektif baharu terhadap pemahaman estetika dalam seni Melayu-Islam dan memperkayakan wacana akademik dalam bidang.

2.2 Seni, Estetika dan Keindahan Islam

Osborne et al, (1970) menyatakan bahawa keindahan ialah satu bentuk kesepakatan dalaman yang memberikan kepuasan kepada jiwa manusia. Mereka menyenaraikan tiga prasyarat untuk sesuatu objek indah : (1) menyenangkan dari sudut deria secara psikologikal. (2) selari dengan khidupan mental individu, dan (3) memenuhi idea, kepercayaan serta nilai-nilai universal atau metafizik. Pandangan ini bersifat universal dan bersandar kepada pemahaman Barat yang lebih sekular serta bersifat emperikal dalam menilai pengalaman estetik. Namun pendekatan Osborne dan rakan-rakannya mempunyai beberapa kekurangan apabila diaplikasikan kepada konteks Islam. Pertama, ia tidak mengambil kira aspek spiritual dan keimanan yang merupakan



asas penting dalam falsafah estetik Islam. Kedua, pendekatan mereka lebih menumpukan kepada kepuasan inderawi dan mental semata-mata, tanpa mempertimbangkan dimensi transedental yang menjadi tunjang dalam tradisi Islam.

Sebaliknya, dalam kerangka Islam, konsep keindahan adalah lebih menyeluruh dan mendalam. Imam Al-Ghazali telah mengklasifikasi keindahan kepada keindahan kepada lima peringkat: (1) keindahan indrawi dan nafsani (lahiriah), (2) keindahan imaginatif emotif, (3) keindahan akliyah atau rasional, (4) keindahan rohaniah atau *irfani* dan (5) keindahan *ilahiyyah* atau transenden (Martono, 2009). Pembahagian ini menunjukkan bagaimana pengalaman estetik dalam Islam berkembang daripada tahap paling asas kepada tahap kesedaran *Ilahi* yang tinggi. Ayob (2004) menegaskan bahawa seni dalam Islam bukan sahaja harus bersifat estetika, tetapi juga berfungsi dan beretika. Pandangan ini disokong oleh Iswahyudi (2019) yang menekankan hubungan antara kreativiti dan moral dalam penciptaan karya seni. Dalam hal ini, seni yang sejati haruslah memberikan ketenangan, membawa kepada nilai spiritual dan memperkukuhkan hubungan manusia dengan Pencipta. Oleh itu, nilai keindahan dalam Islam bukan hanya bergantung kepada bentuk atau teknik semata-mata, tetapi kepada niat, makna dan kesan rohaninya terhadap khalayak.

Kajian terdahulu banyak tertumpau kepada konsep estetik Barat atau sekadar membandingkan antara dua kerangka besar iaitu Barat dan Islam, tanpa menyelami secara mendalam dimensi spiritual Islam dalam pengalaman estetik. Terdapat juga kecenderungan untuk melihat seni dan keindahan dalam Islam hanya dari sudut hukum dan fungsi, sedangkan aspek pengalaman peribadi, kejiwaan dan transedental kurang diberi perhatian (Zuhdi, 2021; Al-Fariqi, 1985). Artikel ini menggunakan pendekatan berbeza dengan menekankan pengalaman estetik Islam sebagai satu bentuk penyatuan antara seni dan kesedaran *Ilahiyyah*. Artikel ini juga memanfaatkan pendekatan semasa dalam falsafah seni Islam seperti yang diuraikan oleh Nasr (2010) yang menekankan bahawa seni Islam adalah manifestasi daripada realiti metafizik dan bukan sekadar symbol budaya. Selain itu, Kajian kontemporari oleh Kamali (2022) juga menunjukkan bahawa dalam dunia moden yang dipenuhi oleh unsur hedonistik, konsep keindahan Islam berperanan sebagai penyimbang melalui nilai spiritual dan moral. Justeru itu, artikel ini membawa dimensi baharu dalam memahami keindahan bukan hanya sebagai pengalaman inderawi atau intelektual, tetapi sebagai pengalaman yang membawa kepada penghayatan tauhid dan kesedaran rohani. Ia juga relevan dalam konteks semasa, di mana keindahan sering disalah tafsir sebagai yang bersifat luaran semata.

3.0 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian kes yang dipilih kerana ia membolehkan penelitian dalam menelusuri makna mendalam dan kontekstual terhadap satu fenomena yang kompleks dalam situasi sebenar (Yin, 2018). Dalam konteks kajian ini, Wayang Kulit Siam dipilih sebagai subjek utama, dengan fokus khusus terhadap watak Seri Rama dalam teks Hikayat Maharaja Wana yang dikarang semula oleh Amin Sweeney (1980) berdasarkan penceritaan lisan oleh dalang Pak Awang Lah.



Kajian ini meneliti citra estetika watak Seri Rama dari perspektif falsafah keindahan Islam, dengan memberikan tumpuan kepada aspek keindahan dalam dan nilai moral yang terkandung dalam naratif persembahan dan watak.

3.1 Citra Estetika

Istilah citra estetika merujuk kepada gambaran dalaman atau imej peribadi sesuatu watak berdasarkan penilaian estetika. Dalam konteks ini, ia bukan sahaja merujuk kepada rupa bentuk atau persembahan visual watak Seri Rama, tetapi juga penampilan nilai, kelakuan dan falsafah keindahan yang diwakilinya. Ia melibatkan pertimbangan terhadap keindahan dalaman, simbolik wata serta makna moral yang terkandung dalam naratif.



Rajah 1: Rekabentuk Kajian

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Nilai Keindahan Watak Seri Rama

Watak Seri Rama dalam Hikayat Maharaja Wana merupakan fokus utama kajian ini dalam memahami citra estetika berdasarkan kerangka keindahan Islam. Sebagai watak protagonis, Seri Rama digambarkan sebagai lambang keseimbangan anantara baik dan buruk, kekuatan dan kelemahan, yang sebenarnya mencerminkan konsep kesempurnaan insani menurut falsafah Islam.

4.1.1 Citra Visual dan Pencirian Estetika

Dari segi visual patung, Seri Rama dicipta dengan bentuk tubuh yang simetri, berwarna terang (terutamanya hijau), dihiasi dengan motif halus dan ukiran yang mencerminkan sifat ketampanan, keberanian dan kebaikan. Citra ini mencerminkan kesempurnaan fizikal, mental dan spiritual yang menjadi lambang kepada watak 'baik' dalam sistem naratif wayang kulit (Linggang, 2009). Warna hijau dalam konteks kepercayaan tempatan dan Islam, dikaitkan dengan kesejahteraan, kemakmuran dan ketenangan rohani.





Rajah 2: Patung Seri Rama

4.1.2 Naratif Dua Dimensi Watak Seri Rama

Watak Seri Rama menampilkan dua sisi berbeza bergantung kepada struktur cerita:

- Cerita Pokok: seri Rama digambarkan sebagai *Perfect Man* – Putera tampan, berbudi bahasa, gagah berani dan memiliki kemahiran dalam seni mempertahankan diri seperti memanah pokok Lontar.
- Cerita Ranting: Seri Rama pula ditampilkan sebagai individu yang mempunyai banyak kelemahan – seperti mudah dipengaruhi hawa nafsu, tidak bertanggungjawab dan gagal membuat keputusan bijak.

Perbezaan ini menunjukkan lapisan karektor yang kompleks dan menampilkan pengajaran moral kepada penonton bahawa tiada manusia yang sempurna mutlak. Dalam ajaran Islam, hanya Allah SWT yang Maha Sempurna, manakala manusia harus melalui proses keseimbangan antara nafsu dan akal untuk mencapai kesedaran rohaniyah (Hamka, 2002).

4.1.3 Simbolisme dan Perlambangan

Elemen warna, bentuk patung dan gaya pergerakan Seri Rama di atas kelir membawa simbolisme visual yang kuat. Warna hijau, misalnya, bukan sahaja dikaitkan dengan Islam tetapi juga memiliki makna sakral dalam Hindu. Simbol ini menunjukkan bagaimana adaptasi watak mitos Hindu (Rama sebagai dewa) telah melalui proses Islamisasi di Tanah Melayu, menjadikan Seri Rama lambang manusia yang ideal tetapi tetap berhadapan dengan kelemahan insan.



4.1.4 Perbandingan Serantau: Seri Rama dalam Tradisi Lain

Seri Rama dalam versi Wayang Kulit Purwa (Indonesia) dan Nang Talung (Thailand), watak Rama juga digambarkan sebagai raja bijaksana dan adil. Namun dalam versi Melayu memperlihatkan evolusi yang lebih mendalam, iaitu daripada dewa kepada manusia biasa, yang mana ini selari dengan falsafah tauhid dalam Islam. Ini memberi ruang kepada penonton untuk lebih mudah mengaitkan perjalanan watak dengan realiti kehidupan mereka sendiri.

Jadual 1: Rumusan Dapatan Nilai Keindahan Watak Seri Rama.

Elemen Nilai Keindahan	Penjelasan
1. Pencirian fizikal patung	Bentuk Simetri, warna hijau, ukiran halus-lambang keindahan luar dan dalaman.
2. Watak sempurna (Cerita pokok)	Putera ideal: tampan, berani, rasional, berbudi bahasa.
3. Watak lemah (cerita Ranting)	Cerminan sisi insani: kelemahan nafsu, kesilapan Keputusan
4. Keseimbangan watak	Perpaduan antara baik dan buruk sebagai proses kesedaran rohaniah
5. Perlambangan warna dan simbol agama	Warna hijau – simbol kesejahteraan (Islam) dan sakral (Hindu)
6. Simbol kesempurnaan dalam Islam	Kesedaran bahawa kesempurnaan hanya milik Allah – Seri Rama sebagai lambang insani.

4.2 Nilai Moral Watak Seri Rama

Dalam konteks Hikayat Maharaja Wana, watak Seri Rama bukan sekadar protagonis yang menentang kejahatan tetapi juga medium didaktik yang menyampaikan nilai-nilai moral melalui siri tindakan dan peristiwa yang dilaluinya. Watak ini dilihat sebagai cerminan nilai keindahan Islam yang menekankan aspek keseimbangan, tanggungjawab dan hubungan harmoni antara manusia sesama mahluk

4.2.1 Teladan Baik dan Buruk: Proses Didaktik Watak

Seri Rama tidak hanya digambarkan sebagai watak hero yang ideal tetapi juga sebagai manusia yang mempunyai kelemahan. Pengalaman watak ini, baik dari sudut kesalahan ataupun keputusan bijak, menyediakan pengajaran penting kepada penonton. Sebagai contoh, peristiwa pemilihan kolam jernih ketika dalam perjalanan pulang ke Seusia Mendarapura bersama Siti Dewi dan Laksamana, menggambarkan kelekaan Seri Rama terhadap amaran watak



Laksamana. Akibatnya, beliau dan isteri bertukar menjadi monyet-simbol kehinaan dan kehilangan identiti asal. Namun melalui pertitwa ini, lahirlah watak Hanuman Kera Putih, yang kelak menjadi pahlawan penting. Di sinilah muncul nilai moral tentang akibat ketidakpatuhan dan keperluan mendengar nasihat.

4.2.2 Keadilan , Kasih Sayang dan Pengampunan

Dalam satu lagi peristiwa, Seri Rama jatuh hati kepada watak Siti Mayang, adik kepada Majarajawana, menjadikannya isteri kedua. Walaupun tindakan ini menunjukkan kelemahan manusiawi terhadap hawa nafsu, perwatakan Seri Rama tetap mencerminkan nilai keindahan apabila beliau:

- Bergilir malam antara isterinya.
- Membahagikan hasil buruannya secara saksama.
- Mendengar pandangan Laksamana dan Siti Dewi
- Menjatuhkan hukuman adil terhadap Siti Mayang setelah mengetahui identiti sebenar.

Peristiwa-peristiwa ini menampilkan tanggungjawab, keterbukaan dan prinsip moral dalam kepimpinan dan kehidupan berkeluarga.

4.2.3. Kesetiaan dan Cinta: Pendorong Tindakan Wira

Nilai kasih sayang dan kesetiaan Seri Rama terhadap Siti Dewi merupakan elemen teras dalam naratif. Perjuangannya menentang Maharaja Wana, termasuk mengetuai pasukan perang dan membina jambatan ke Langkapuri, menggambarkan dedikasi dan penghargaan terhadap institusi perkahwinan. Dalam konteks ini, keindahan moral bukan sahaja terletak pada hasil tindakan, tetapi juga pada niat dan pengorbanan yang dilakukan atas dasar cinta.

4.2.4. Perspektif Serantau: Perbandingan dengan Tradisi Lain

Dalam Wayang Kulit Purwa (Indonesia), Rama juga ditampilkan sebagai tokoh agung penuh nilai moral, namun hampir sempurna dalam tindakannya, sebagaimana yang diwarisi kepada Ramayana versi Hindu Klasik. Dalam Wayang Kulit Thailand (Nang yai) pula, Rama dikenali sebagai Phra Ram, juga ditampilkan sebagai dewa yang luhur tanpa banyak kelemahan insani. Sebaliknya, Wayang Kulit Siam versi Melayu memberikan pendekatan yang lebih seimbang dengan manusiawi terhadap Seri Rama. Beliau bukan lagi dewa, tetapi seorang Putera biasa yang dilatih dengan nilai dunia dan akhirat. Kejatuhannya adalah pengajaran, dan bukan sekadar naratif mitos. Inilah yang menjadikan versi ini lebih dekat kepada falsafah keindahan dalam Islam, yang menekankan keinsafan, pengajaran dan penyucian jiwa.



Jadual 2: Rumusan Dapatan Nilai Moral Watak Seri Rama

Elemen Nilai Moral	Penjelasan
Teladan baik dan buruk	Penonton belajar daripada keputusan salah dan betul yang diambil oleh watak.
Berlaku adil	Bersikap adil terhadap isteri dan rakyatnya dalam membuat Keputusan.
Menjaga hubungan kekeluargaan	Menghormati ikatan antara isteri, saudara dan rakan seperjuangan.
Menjaga hubungan kasih sayang suami isteri	Usaha gigih untuk menyelamatkan Siti Dewi sebagai bukti cinta dan komitmen..

5.0 Rumusan Analisa Nilai Keindahan Dan Nilai Moral

Rumusan 1: Keindahan Watak Seri Rama:

- Nilai kesatuan antara reka bentuk fizikal dan perlambangan menjadikan watak Seri Rama sebagai ikon estetika persembahan.
- Nilai spiritual, moral, agama digambarkan melalui perjalanan naratif dan konflik dalaman watak.
- Fungsi patung sebagai 'patung pendidikan' menampilkan peranan didaktik Wayang Kulit Siam dalam membentuk nilai masyarakat.

Rumusan 2: Keindahan berdasarkan Islam

- Nilai keindahan Islam tidak hanya terletak kepada rupa tetapi pengajaran dari perlakuan baik dan buruk.
- Konsep keseimbangan Insani (*tawazun*) menja di tunjang, di mana kelemahan tidak dihapuskan tetapi difahami sebagai sebahagian dari proses penyucian jiwa.
- Watak Seri Rama memberikan teladan bagaimana nafsu dikawal melalui akal dan iman menuju kepada penghayatan tauhid.

6.0 Kesimpulan

Kajian ini menganalisis citra estetika dan nilai moral watak Seri Rama dalam Hikayat Maharaja Wana melalui pendekatan kajian kes Wayang Kulit Siam berlandaskan konsep keindahan dalam Islam. Dapatan menunjukkan bahawa Seri Rama bukan sekadar figura mitos tetapi berfungsi sebagai medium pendidikan moral dan refleksi nilai keinsanan dalam konteks budaya Melayu-Islam.

Seri Rama menampilkan ciri-ciri kesimbangan antara kekuatan dan kelemahan, antara emosi dan akal, sekaligus memberi kesan didaktik kepada penonton. Nilai moral seperti



keadilan, tanggungjawab, kasih sayang dan keinsafan menjadi teras kepada penceritaan dan mempengaruhi khalayak secara halus melalui simbolisme dan tindakan watak.

Sumbangan kajian ini penting dalam memperkukuhkan kefahaman terhadap peranan seni tradisional bukan sahaja sebagai warisan budaya tetapi juga medium pendidikan nilai dan pembentukan jati diri. Implikasinya menunjukkan potensi Wayang Kulit untuk diintegrasikan dalam pendidikan seni, moral dan sivik, khususnya bagi generasi muda.

Kajian lanjut dicadangkan untuk meneroka watak lain dalam naratif Wayang Kulit atau nilai respon khalayak moden terhadap nilai-nilai yang dibawakan oleh watak seperti Seri Rama. Selain itu, adaptasi kandungan ke dalam medium digital boleh membuka ruang baharu dalam usaha melestraikan seni warisan dalam arus kemodenan.

Rujukan

- Ali, A. H. (2014). Konsep Estetika Bersepadu: Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik Dalam Kesusasteraan Melayu: Estetika Bersepadu Concept: A New Method Of Aesthetic Criticism In The Malay Literature. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, 84–104. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/1989>.
- Ayob, R. (2004, June). Estetika Dalam Kesenian Melayu. *Dewan Budaya*, 39–41.
- Hamka. (2002). *Falsafah Hidup*. Pustaka Dini.
- Hassan, M. A. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iswahyudi. (2019). Estetika Dalam Seni Islam Menurut Sayyed Hossein Nasr. *Jurnal Budaya Nusantara* 3(1), 32–45. <https://doi.org/10.36456/JBN.vol3.no1.2113>
- Jufry, F. D. M., & Rahman, M. K. A. (2018). Archetypal characters in Wayang Kulit Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(5). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i5/4087>
- Jufry, F. D. M., & Rahman, M. K. A. (2019). Feminine movements of Seri Rama in Wayang Kulit Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 9(2). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i2/5595>
- Jusoh, C. M. (2007, May-Jun). Sumpah Maharajawana. *Pentas*.
- Kamali, M. H. (2022). *Islam and Aesthetics in the Modern World*. International Institute of Islamic Thought.
- Kingham, S. P. J. (1998). *Simbolisme Dalam Wayang Kulit Kelantan: Suatu Kajian Aspek Visual [Thesis]*. Universiti Sains Malaysia.
- Linggang, D. A. D. J. (2009). *Watak dan Patung Wayang Kulit Siam/Kelantan: Kajian dari sudut Estetika [Thesis]*. University Of Malaya.
- Martono. (2015). Mengenal Estetika Rupa Dalam Pandangan Islam. *Imaji/Imaji : Jurnal Seni Dan* 7(1). *Pendidikan Seni*, <https://doi.org/10.21831/imaji.v7i1.6643>



- Mohamed, A. (1980). *Falsafah Dan Pemikiran Dalam Wayang Kulit Di Malaysia*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Nasr, S. H. (2010). *Islamic Art and Spirituality*. SUNY Press.
- Osborne, H., Dessoir, M., & Emery, S. A. (1970). *Aesthetics and Theory of Art* (Vol.30). <https://doi.org/10.2307/429548>
- Sweeney, A. (1972). *Malay Shadow Puppets: The Wayang Siam of Kelantan*. British Museum.
- Wong, F. E. C., & Moussa, P. A. (2019). *Seri Rama and Maharaja Wana in Wayang Kulit Kelantan: Visual Analysis of Their Puppets*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Wong, F. E. C., & Yousof, G. (2018). The visual elements in the Pohon Beringin figure of the Kelantan shadow play. *Malaysian Journal of Performing and Visual Arts*, 4(1), 63–78. <https://doi.org/10.22452/mjpva.vol4no1.4>
- Yousuf, G.S. (1994). *Dictionary of Traditional South-East Asian Theatre*. Oxford University Press.
- Yousof, G. S. (1997). *The Malay shadow play: An introduction*. Asian Centre with the co-operation of the National Academy of Arts, Ministry of Culture, Arts and Tourism, Malaysia.
- Zuhdi, A. M. (2021). “Exploring the Spiritual Dimension of Aesthetic Experience in Islamic Art,” *Journal of Islamic Thought and Civilisation*, 11(2), 89–104.

